



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Berita Harian - Inflasi September Meningkat 0.3 Peratus

Berita Harian - Inflasi September Meningkat 0.3 Peratus

🕒 Isnin, Okt 29 2018



Inflasi September meningkat 0.3 peratus

BH 27/10/18

Indeks Harga Pengguna Malaysia (IHP) yang mengukur inflasi keseluruhan mencatatkan kenaikan 0.3 peratus pada September 2018 berbanding bulan sebelumnya kesan daripada harga bahan api RON95 yang kekal pada RM2.20 bermula Mac 2018 hingga September 2018, kata Jabatan Perangkaan.



Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata walaupun Cukai Jualan dan perkhidmatan (SST) telah dilaksanakan semula bermula 1 September 2018, dari segi indeks, ia tidak menunjukkan perubahan yang ketara berbanding setahun lalu.

“Lima daripada dua belas kumpulan utama masih mencatatkan perubahan harga tahunan yang positif iaitu kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (+2.1 peratus), restoran dan hotel dan pendidikan masing-masing (+1.1 peratus), makanan dan minuman bukan alkohol (+0.5 peratus) dan pengangkutan (+0.3 peratus),” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, semalam.

Tiga negeri lepasi paras IHP

Sementara itu, IHP bagi tempoh Januari-September 2018 mencatatkan kenaikan sebanyak 1.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2017.

Jabatan Perangkaan berkata, secara keseluruhan, tiga negeri melepasi paras IHP nasional 0.3 peratus yang dicatatkan pada September 2018 berbanding September 2017.

“Negeri-negeri berkenaan ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (+0.9 peratus), Negeri Sembilan (+0.7 peratus) dan Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (+0.4 peratus) manakala Pulau Pinang menunjukkan kenaikan pada paras yang sama dengan IHP nasional,” kata jabatan itu.

Sementara itu, kenaikan indeks kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol dicatatkan di kebanyakan negeri di Malaysia.

“Empat negeri mencatatkan kenaikan

yang lebih tinggi bagi indeks kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol melebihi paras indeks nasional (+0.5 peratus) bagi September 2018 berbanding bulan yang sama 2017.

“Indeks bagi makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 3.0 peratus di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, diikuti Sarawak (+0.8 peratus) dan 0.7 peratus di Negeri Sembilan serta di Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya,” kata jabatan itu.

BERNAMA



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**